



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

(Sempena Hari Keluarga Antarabangsa 2019)

KELUARGA BERPERANAN ATASI PERUBAHAN IKLIM.

Fenomena perubahan iklim pada hari ini banyak dipengaruhi secara langsung oleh aktiviti manusia. Sehubungan itu, keluarga berperanan penting dalam membantu usaha dunia menangani perubahan iklim. Selaras dengan matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030, Sambutan Hari Keluarga Antarabangsa (HKA) yang diraikan pada setiap 15 Mei oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah memilih tema **Keluarga dan Tindakan Iklim (*Families and Climate Action*)**.

Tema tersebut dilihat selari dengan usaha kerajaan membudayakan amalan penjagaan alam sekitar dalam kalangan keluarga dan komuniti sekali gus meningkatkan kelestarian penduduk dengan alam sekitar.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) akan terus memperkasakan peranan keluarga dan komuniti dalam menjaga alam sekitar melalui program Pemerksaan Keluarga dan Komuniti (FACE). Program yang telah diperkenalkan di 33 komuniti terpilih seluruh Malaysia turut menggerakkan lapan domain intervensi dengan salah satunya berkaitan Perumahan dan Persekitaran.

Sempena Hari Keluarga Antarabangsa (HKA) ini juga, adalah diharap semua keluarga di Malaysia lebih memberi perhatian kepada perubahan iklim yang memberi kesan ke atas kehidupan keluarga seperti penipisan lapisan ozon, pengeluaran karbon dioksida berlebihan, pengurangan kawasan hijau serta pencemaran air sama ada laut dan sungai.

Dalam masa yang sama, sambutan kali ini diharapkan lebih banyak lagi usaha penyebaran maklumat dan kesedaran dilakukan oleh pelbagai pihak termasuk kerajaan, swasta, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan institusi pendidikan.

YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT
PUTRAJAYA
15 Mei 2019